



PERUTUSAN PENERUSI

(MESYUARAT JKTNg Bil. 4/2012 PADA 30 APRIL 2012)

1. MAKLUMAN PERTUKARAN KETUA JABATAN NEGERI

- [a] **Y.H. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Harun**, dahulunya Pegawai Daerah Jerantut telah mula bertugas sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang pada 16 April 2012 menggantikan **Y.H. Dato' Haji Muhammad bin Ubaidillah** yang tamat kontrak pada 16 April 2012.

2. *PROBLEM SOLVING COMMITTEE (PSC) DI PERINGKAT NEGERI*

Pada mesyuarat JKTNg Bil. 3/2012 yang lalu Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPn) Pahang telah memaklumkan berkenaan penubuhan *Problem Solving Committee* (PSC) di peringkat Persekutuan. Walau bagaimanapun, hasil mesyuarat Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) bersama Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri pada 20 April 2012 yang lalu, mesyuarat telah bersetuju supaya PSC ditubuhkan di peringkat Negeri yang

dipengerusikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri. Ahli-ahli PSC terdiri daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan mana-mana jabatan yang difikirkan bersesuaian dengan projek yang akan dibincangkan. Senarai projek yang akan diangkat ke dalam PSC akan dikenalpasti iaitu mana-mana projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan, Projek-projek Khas (termasuk PIA/PIAS) dan projek kemiskinan.

3. PENGEMASKINIAN PROFIL KAMPUNG DALAM eMERAH

[a] Saya ingin mengingatkan semua Pegawai Daerah berkenaan pengemaskinian profil kampung dalam sistem eMerah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Mac 2012. Hasil daripada maklumat profil kampung ini akan dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri untuk **tindakan penyelarasan peruntukan bagi pembinaan jalan luar bandar dan kemudahan lain di luar bandar.** Baru-baru ini juga, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi permohonan Lampu Jalan Kampung dan Bekalan Air Luar Bandar yang mana permohonan-permohonan yang diterima daripada daerah tersebut akan diselaraskan dengan maklumat profil kampung dalam eMerah.

[b] Untuk makluman, terdapat daerah yang kali terakhir mengemaskini maklumat dalam sistem eMerah **pada tahun 2008**. Sehubungan itu, saya berharap semua Pegawai Daerah mengambil **tindakan segera** terhadap perkara pengemaskinian data profil kampung ini.

4. PROGRAM JELAJAH JANJI DITEPATI

Kerajaan sedang melaksanakan Program Jelajah Janji Ditepati sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk mendampingi rakyat dan memaklumkan kepada rakyat mengenai janji-janji yang telah ditepati oleh YAB Perdana Menteri. Program ini adalah kerjasama Kerajaan dengan Media Prima Berhad. Setakat ini tiada permintaan daripada Media Prima Berhad untuk mengadakan program ini di Negeri Pahang.

5. PENILAIAN OUTCOME BAGI PROJEK/ PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH JABATAN/ AGENSI

[a] Saya ingin menarik perhatian semua ahli mesyuarat berkenaan perlunya melakukan penilaian *outcome* bagi projek/ program yang telah dilaksanakan oleh jabatan/ agensi masing-masing. Pencapaian program/ projek pembangunan bukan sahaja ditakrifkan sebagai kejayaan menyempurnakan program/ projek mengikut piawaian yang ditetapkan dari segi spesifikasi kerja, tempoh masa, kos dan kualiti *output* yang disasarkan tetapi yang lebih

penting adalah kesan (*outcome*) atau impak yang dihasilkan.

- [b] Penilaian *outcome* adalah proses pengumpulan data secara terperinci, lengkap dan bebas bagi memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kesan yang berlaku selepas sesuatu program/projek pembangunan dilaksanakan. Ia akan menilai sejauh mana objektif dan sasaran *outcome* yang digariskan di peringkat perancangan benar-benar tercapai sekaligus mengukur kesan dan perubahan yang berlaku terhadap golongan sasar dari aspek sosial, ekonomi, politik dan juga alam sekitar.
- [c] YAB Perdana Menteri juga amat menekankan kepentingan menilai kejayaan sesuatu projek berasaskan kepada *outcome* bukannya berdasarkan *output* semata-mata. Sehubungan itu, setiap jabatan **hendaklah membentangkan hasil kajian *outcome* projek/program jabatan masing-masing** di dalam mesyuarat ini dan juga Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri. Sebarang pertanyaan dan persoalan bolehlah dirujuk kepada urus setia Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang bagi semakan kertas kajian tersebut.

6. PELAPORAN PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH (RMK-10)

Setiap jabatan hendaklah sentiasa mengemaskini prestasi kewangan dan fizikal projek dalam SPP II kerana ia menjadi penanda aras kepada prestasi Negeri yang akan dilaporkan kepada YAB Perdana Menteri oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Setakat ini, prestasi perbelanjaan RMK-10 Negeri Pahang ialah RM301,137,165.00 iaitu 12.01% dan berada di kedudukan nombor 11.

7. AMALAN PEMBERIAN *DOOR GIFT* KEPADA PESERTA-PESERTA PERSIDANGAN

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian Dan Ketua Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2012 pada 4 April 2012 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah menetapkan bahawa pemberian *door gift* (termasuk alat tulis yang ditempah khas) kepada peserta-peserta persidangan dan ahli mesyuarat (peserta dalam Negara) **hendaklah dihentikan kerana ia lebih kepada pembaziran.**

8. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN MAC 2012

[a] Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Mac 2012 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari

adalah 99.81% manakala 0.19% (15 bil) dibayar melebihi 14 hari.

[b] Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;

- | | | |
|------|---|---------|
| i) | Jabatan Kerja Raya | - 6 bil |
| ii) | Jabatan Agama Islam Pahang | - 5 bil |
| iii) | Jabatan Perhutanan Negeri Pahang | - 2 bil |
| iv) | Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan | - 1 bil |
| v) | Jabatan Pertanian Pahang | - 1 bil |